

# PUNCA PERCERAIAN DALAM KALANGAN PASANGAN DEWASA PERTENGAHAN: KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

*(Causes of Divorce among Middle-Aged Couples: A Study at the  
Syariah Court of the Federal Territory of Kuala Lumpur)*

Nur Syazwani Sallehuddin<sup>1</sup>  
hinursyazwani@gmail.com

Mohd Norhusairi Mat Hussin<sup>2</sup>  
husairi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>2</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nur Syazwani Sallehuddin & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2025). Punca perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan: Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 143–164. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no7)

Peroleh: <i>Received:</i>	13/3/2024	Semakan: <i>Revised</i>	6/12/2024	Terima: <i>Accepted</i>	11/12/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	28/1/2025
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	----------------------------	------------	---	-----------

## Abstrak

Perceraian pasangan dewasa pertengahan antara fokus perbincangan dalam paparan akhbar dan penyelidikan akademik. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis punca perceraian yang terjadi dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan yang berumur antara 40–60 tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data dan metode analisis data yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan, temu bual dan kajian kes, manakala data yang

diperoleh dianalisis menggunakan kaedah temu bual secara tematik dan deskriptif. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor perceraian pasangan dewasa pertengahan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, seperti tiada persefahaman, masalah sikap dan akhlak pasangan yang terlibat dengan perceraian, sikap tidak bertanggungjawab terhadap nafkah, faktor agama, campur tangan orang ketiga dan pertambahan usia. Sebagai penyelesaian, pengkaji mencadangkan beberapa saranan yang dapat diaplikasikan untuk mengurangkan masalah perceraian ini.

Kata kunci: Perceraian, pembubaran perkahwinan, punca perceraian, faktor perceraian, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dewasa pertengahan

### ***Abstract***

*Divorce among middle-aged couples has been a focal point of discussion in the media reports and academic research. Various factors contribute to the occurrence of divorce among middle-aged couples in Malaysia. This study was conducted to analyse the causes of divorce among middle-aged couples aged 40-60 at the Syariah Court of the Federal Territory of Kuala Lumpur (MSWP KL). Employing a qualitative approach, the study utilised appropriate data collection and analysis methods to achieve its stated objectives. Data collection was carried out through library research, interviews, and case studies, while the data obtained were analysed thematically and descriptively. The study identified several contributing factors to divorce among middle-aged couples in the Syariah Court of Kuala Lumpur, such as a lack of mutual understanding, issues related to the attitude and character of spouses, neglect of financial responsibilities (nafkah), religious factors, third-party interference, and the challenges associated with aging. As a resolution, the study proposed several recommendations to address and mitigate the prevalence of divorce in this demographic.*

**Keywords:** *Divorce, dissolution of marriage, causes of divorce, factors of divorce, Syariah Court of the Federal Territory of Kuala Lumpur; middle-age*

## **PENDAHULUAN**

Isu perceraian ialah isu global yang berlaku di seluruh dunia dan meningkat lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 (Savage, 2020). Di Malaysia, media massa melaporkan bahawa perceraian turut membelenggu

masyarakat dengan perekodan statistik kes dari tahun ke tahun yang meningkat, misalnya kes yang paling tinggi dicatatkan di Selangor, iaitu 30,901 antara tahun 2014 hingga 10 Julai 2016.

Perceraian ialah topik yang dibincangkan secara hangat dan meluas dari sudut yang pelbagai, termasuklah usia pasangan yang bercerai, kesan perceraian dan hak selepas perceraian. Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan punca perpisahan suami isteri secara khusus yang dispesifikan dalam kalangan dewasa pertengahan di MSWPKL, iaitu yang berusia antara 40–60 tahun, di samping mendapatkan pandangan pakar yang terdiri daripada hakim dan pegawai syariah di mahkamah tersebut.

Menerusi Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), kata “dewasa” dapat ditakrifkan sebagai sudah baligh atau telah berumur 21 tahun ke atas yang turut bermaksud sudah cukup besar. PRPM juga mendefinisikan “pertengahan” sebagai tempat yang di tengah-tengah atau kira-kira di tengah-tengah. Pertengahan juga bermakna setengah atau separuh.

Selain itu, ada pengkategorian dewasa pertengahan atau dewasa tengah untuk orang yang umurnya antara 40–60 tahun (Noor Syaibah Shahabuddin et al, 2016). Dalam kajian ini, berlaku perceraian dalam kalangan dewasa pertengahan pada lingkungan umur ini. Hal ini bermaksud, penulisan tersebut secara tidak langsung mendefinisikan dewasa pertengahan pada usia tersebut (Noor Syaibah Shahabuddin et al, 2016). Pengukuhan definisi ini dapat dilihat pada huraiān berkenaan dengan senario krisis pertengahan usia (*midlife crisis*) yang dibayangkan berlaku pada usia antara 40–45 tahun. Pada fasa ini, dijangka bahawa berlaku perubahan luar jangka dari aspek keperibadian, gaya hidup dan keutamaan dalam hidup yang sangat sinonim dengan usia pertengahan, selain kesedaran tentang kematian sebagai pencetus bagi semua perubahan yang berlaku pada usia pertengahan ini (Jacques, 1965).

Dalam PRPM, warga tua ditakrifkan sebagai orang yang umurnya 55 tahun atau 56 tahun pada usia persaraan. Takrifan yang dibuat di “World Assembly On Ageing 1982” di Vienna, mentakrifkan warga emas sebagai orang yang berumur 60 tahun ke atas. Oleh itu, perbincangan makalah ini memfokuskan skop umur dewasa pertengahan yang turut meliputi usia awal warga emas, iaitu antara 40–60 tahun.

## KAJIAN LEPAS

Siti Rohaya Shafie (2001) menghuraikan asas perceraian berdasarkan perspektif hukum syarak, iaitu takrif talak yang berasal daripada bahasa

Arab yang didefinisikan dari sudut bahasa sebagai “menguraikan ikatan” yang disokong oleh dalil menerusi al-Quran, dan hukumnya dibahagikan kepada wajib, sunat, haram, makruh, halal dan rukun talāq. Kata talak ini digunakan sejak zaman Jahiliah yang bermaksud perceraian pasangan suami isteri dan diterapkan bagi maksud yang sama selepas kemunculan Islam (Hassan Salleh, 1989).

Seterusnya, perbahasan mengenai konsep perceraian turut diketengahkan. Selain maksud asas dari sudut bahasa dan istilah, pengkaji ini membawa pandangan makna daripada ahli fiqah berkenaan cerai (Nur Awatif Mohd Khair, 2018). Ahli fiqah mendefinisikan cerai sebagai meleraikan ikatan nikah yang sah (Daud Mohd Salleh, 1996).

Di samping itu, dinyatakan bahawa punca perceraian tertinggi ialah ketidaksesuaian antara pasangan, iaitu sebanyak 68.4%, diikuti oleh isteri yang tidak mahu bermadu, iaitu 10.5%. Faktor kedua ini melibatkan pasangan yang sudah berkahwin melebihi 30 tahun. Dalam kajiannya, 8.6% perceraian berlaku disebabkan oleh pertelingkahan rumah tangga dan 2.4% pula berlaku disebabkan oleh isteri yang tidak mahu mengikuti suami yang kebanyakannya berlaku pada pasangan suami isteri yang berasal dari negeri dan daerah yang berlainan. Selain itu, terdapat juga perceraian yang berlaku kerana suami tua dan sakit, selain cemburu dan mempunyai masalah dengan mentua (Siti Fatimah Abdul Rahman, 1992).

## METODOLOGI

Data dikumpulkan dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kajian lapangan, lalu dianalisis menggunakan analisis temu bual tematik dan deskriptif. Metodologi kepustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat menerusi bahan bertulis dengan merujuk pelbagai jenis bahan, termasuklah kitab fiqah, kitab khusus tentang perceraian, kajian ilmiah yang lepas, jurnal, kamus, ensiklopedia, al-Quran dan terjemahan, kitab hadis, kertas kerja seminar, statut, fail kes, majalah ilmiah dan laman sesawang. Tiga informan yang terdiri daripada pegawai syariah MSWP telah ditemu bual bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian.

Data turut dikumpulkan menerusi kaedah kajian kes bagi meneliti fail kes di mahkamah dalam skop kajian pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan melibatkan umur di antara 40–60 tahun dan dari pelbagai latar belakang pekerjaan. Kemudian, data temu bual dan fail kes dianalisis menerusi kaedah tematik dan deskriptif.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan pengenalan perceraian dewasa pertengahan dan analisis punca perceraian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWPKL), serta saranan dan cadangan yang dapat diberikan untuk menangani faktor perceraian di MSWPKL.

### **Pengenalan Perceraian Dewasa Pertengahan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Trend perceraian pada masa ini dilihat berlaku tanpa mengambil kira peringkat umur. Informan I menjelaskan bahawa jumlah kes perceraian pada usia muda meningkat. Namun begitu, tambahnya lagi, permohonan dan tuntutan perceraian yang melibatkan pasangan dewasa pertengahan juga sering berlaku. Adapun, ujarnya, MSWPKL tidak mempunyai statistik khusus bagi perceraian berdasarkan umur, sebaliknya hanya statistik data pendaftaran dan penyelesaian kes permohonan perceraian secara umum yang ditunjukkan dalam Jadual 1 (YA Tuan Azzeman bin Omar, 2023).

**Jadual 1** Statistik pendaftaran dan penyelesaian kes permohonan perceraian MSWPKL bagi tahun 2017 hingga 2022.

Daftar	Selesai	Dalam Prosiding
12,203	11,985	218

Oleh itu, pengkaji meneliti kes yang berlaku di MSWPKL bagi merungkaikan faktor perceraian yang dialami oleh pasangan dewasa pertengahan, selain penonjolan faktor yang diperoleh melalui temu bual dengan pegawai syariah di MSWPKL.

### **Analisis Punca Perceraian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Analisis punca perceraian di MSWPKL menumpukan kepada faktor utama yang menyebabkan perpisahan dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan yang berusia antara 40 hingga 60 tahun. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami punca utama perceraian dengan menganalisis dokumen kes, wawancara bersama pegawai syariah, serta kajian kes berkaitan. Penelitian ini adalah penting kerana ia bukan sahaja mendedahkan isu utama yang sering dikemukakan dalam permohonan

perceraian, tetapi juga mengupas faktor tersirat yang menyumbang kepada keretakan rumah tangga. Analisis ini memberikan gambaran yang jelas tentang cabaran yang dihadapi oleh pasangan dewasa pertengahan di MSWPKL, sekali gus membuka ruang untuk mencadangkan langkah penyelesaian yang lebih efektif dan holistik.

### ***Ketiadaan Persefahaman***

Ketiadaan persefahaman antara punca perceraian tertinggi yang dikenal pasti di MSWPKL, khususnya yang melibatkan Seksyen 47 Akta 303, iaitu perceraian dengan talak atau dengan perintah. Kes pertama yang melibatkan punca ini ialah *MNBS lwn ZBM* (14008-055-0510-2021). Kes ini melibatkan tuntutan perceraian antara suami selaku defendant yang berusia 60 tahun yang bekerja swasta dengan isteri selaku plaintiff yang berusia 51 tahun yang merupakan seorang suri rumah. Pasangan tersebut melangsungkan perkahwinan pada 27 Julai 2020 di Perak. Dengan berdasarkan ikrar yang dilampirkan dalam fail kes, sebab perceraian ialah ketiadaan persefahaman yang menyebabkan kedua-duannya tidak lagi dapat meneruskan kehidupan sebagai pasangan suami isteri. Meskipun perkahwinan masih baru, ketiadaan persefahaman dalam perkahwinan menjadi faktor utama perceraian tersebut.

Hakim memutuskan untuk membenarkan perceraian tersebut kerana wujudnya persetujuan bersama antara kedua-dua pihak untuk bercerai. Hakim membenarkan lafaz talak dilakukan oleh defendant pada 29 Disember 2021. Tempoh perkahwinan pasangan tersebut hanya satu tahun lima bulan.

Kes kedua pula melibatkan *ABA lwn EBN* (14009-054-0557-2020). Kes ini merupakan permohonan pengesahan lafaz cerai. Plaintiff yang berusia 40 tahun bekerja sebagai jurutera, manakala defendant yang berusia 41 tahun bekerja sebagai pengurus jualan langsung. Pasangan ini berkahwin pada 4 Mac 2006 dan memiliki empat orang cahaya mata. Punca perceraian pasangan ini juga ialah ketiadaan persefahaman. Dalam kes ini, hakim membenarkan perceraian tersebut.

Kes seterusnya ialah *MNBI lwn WABWI* (14009-055-0038-2021). Kes ini merupakan permohonan perceraian yang difaillkan oleh plaintiff selaku suami yang berusia 44 tahun, manakala isterinya selaku defendant juga berusia 44 tahun. Plaintiff bekerja dalam sektor kerajaan, manakala defendant tidak bekerja. Pihak-pihak telah berkahwin pada 6 September 2002. Pasangan ini dikurniakan empat orang cahaya mata. Sebab

permohonan perceraian ialah ketiadaan persefahaman. Mahkamah meluluskan perceraian ini di bawah Seksyen 47 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan 1984).

Dengan berdasarkan faktor perceraian pertama ini, dapat disimpulkan bahawa tiada perincian lanjut tentangnya. Pasangan tersebut sekadar mengemukakan alasan ketiadaan persefahaman untuk mengemukakan perceraian. Hakikatnya, Informan II dan Informan III menyatakan bahawa, biasanya pasangan tersebut sengaja mengemukakan alasan ketiadaan persefahaman untuk menyembunyikan sebab sebenar perceraian bagi melindungi aib pasangan (Tuan Rosdi Hanapi & Tuan Akmalludin Ilyas, 2023). Informan III turut menambah bahawa terdapat pasangan yang mengemukakan alasan ini sebagai punca perceraian sedangkan setelah melalui proses perbicaraan, punca sebenar ialah kecurangan isteri (Tuan Rosdi Hanapi, 2023).

Tambahan pula, menerusi dapatan daripada proses temu bual, sikap jurutaip turut menyebabkan lambakan punca ketiadaan persefahaman dalam permohonan perceraian yang dikemukakan oleh pasangan yang ingin bercerai. Pasangan yang tidak diwakili oleh peguam biasanya mengupah jurutaip swasta yang menyediakan perkhidmatan menaip di sekitar mahkamah. Yang menjadi masalah adalah apabila jurutaip ini menggunakan templat sedia ada yang mengandungi faktor ketiadaan persefahaman bagi menyediakan dokumen perceraian, termasuklah penyata tuntutan, saman dan sebagainya sehingga menyebabkan kebanyakan fail kes terkandung punca ini. Menurut Informan III, hal ini diselesaikan melalui soal balas hakim ketika prosiding bagi membuktikan sebab sebenar yang menyebabkan perceraian. Meskipun tiada sebab sebenar perceraian dalam borang permohonan perceraian, prosiding perbicaraan berpeluang menampilkkan punca sebenar perpisahan pasangan. Selaras dengan Seksyen 47(3) Akta 303 yang menyatakan bahawa:

- (3) Jika pihak yang satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan mahkamah berpuas hati selepas siasatan dan penyiasatan yang wajar bahawa perkahwinan itu telah pecah belah yang tidak dapat dipulihkan, maka mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talak di hadapan mahkamah.

Dengan berdasarkan peruntukan ini, siasatan berkenaan pecah belah yang tidak dapat dipulihkan itu akan diselidiki oleh hakim bicara. Hakim bicara akan menyoal pihak-pihak bagi membongkar dan mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut tentang ketidaksefahaman yang dimaksudkan sebelum membenarkan perceraian (Tuan Rosdi Hanapi, 2023).

### **Sikap/Akhhlak**

Setiap orang yang mencari pasangan hidup pasti mengimpikan pasangan yang luhur akhlaknya. Akhlak yang baik pastinya memberikan kesan yang positif dalam kehidupan seseorang, lebih-lebih lagi umat Islam digalakkan untuk menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dan inspirasi. Akhlak yang baik, khususnya bagi pasangan suami isteri, dapat ditonjolkan melalui komunikasi yang lemah lembut, bertolak ansur dan berkasis sayang antara satu dengan lain. Tambahan pula, Islam turut menekankan agar suami memperlakukan isteri dengan cara yang baik sebagaimana yang dinyatakan dalam *Al-Qur'anul kareem dan terjemahannya Rasm Uthmani* (2012:18) dalam terjemahan surah an-Nisa (4:19), iaitu “Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang patut.”

Ayat ini mengukuhkan panduan yang ada dalam agama Islam yang jika diamalkan, masyarakat menjadi harmoni. Dalam hal ini, isteri perlu dilayan dengan cara yang baik dan sepatutnya disebabkan oleh sifat semula jadi wanita yang lembut hatinya. Tambahan lagi, dari sudut lisannya, perbuatan lelaki yang bertindak kasar terhadap isteri bukanlah tindakan yang diperintahkan yang tercakup sebagai pergaulan yang baik terhadap wanita yang semula jadinya lembut sifatnya (Muhammad Abdul Hadi Ismut, 2021).

Lanjutan itu, penegasan dikukuhkan lagi bahawa perbuatan menyakiti atau menganiayai isteri sehingga mencederakannya bukanlah hak yang dimiliki oleh suami dan perbuatan tersebut adalah salah. Dalam Seksyen 52 AUKI 1984, digariskan tentang implikasi penganiayaan yang berlaku pada isteri sehingga membolehkannya menuntut fasakh daripada suaminya di mahkamah dengan peruntukan seperti yang berikut:

- (1) “Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut, iaitu: lazim **menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;**”

Menerusi peruntukan ini, dapat difahami bahawa perbuatan mencederakan isteri merupakan suatu kemudaratian dalam rumah tangga yang dapat menyebabkan isteri memohon perceraian secara fasakh. Terdapat dua kategori penganiayaan, iaitu fizikal dan mental, atau emosi. Penganiayaan yang berlaku terhadap isteri, sama ada dalam apa-apa bentuk yang dinyatakan dapat dikategorikan sebagai darar. Tafsiran darar terdapat dalam Seksyen 2 Akta 303 yang ditafsirkan sebagai darar syarie,

iaitu bahaya terhadap agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, akhlak atau harta benda isteri mengikut kebiasaan yang diakui oleh hukum syarak.

Perbuatan suami yang menyakiti isteri melalui kata kesat, hinaan atau kejian termasuk dalam bentuk penganiayaan terhadap isteri secara emosi. Penganiayaan ini turut memberikan kesan negatif terhadap isteri jika dilakukan secara berterusan tanpa kesudahan kerana penderaan emosi tidak dapat dinilai berdasarkan pandangan mata kasar (Suriany Awaludin, 2019).

Contoh kes bagi faktor ini yang berlaku di MSWPKL ialah *SR lwn HBN* (14001-014-0185-2017) dan (14001-055-0546-2017). Pada mulanya, kes ini difailkan melalui tuntutan fasakh oleh plaintif selaku isteri yang berumur 46 tahun yang bekerja sebagai tukang cuci. Kemudian, suami selaku defendant yang berusia 54 tahun bersetuju untuk melepaskan plaintif menerusi perceraian secara biasa. Fakta kesnya ialah pasangan ini berkahwin pada 23 Jun 2011 dan perkahwinannya didaftarkan di Kuala Lumpur. Pasangan ini tidak dikurniai sebarang cahaya mata.

Hubungan antara plaintiff dengan defendant dingin. Plaintiff membuat satu laporan polis kerana sikap buruk defendant yang mengugut untuk melanggarnya dengan kenderaan, selain sering memukulnya. Kesannya, plaintiff mengalami ketakutan disebabkan oleh kejadian itu. Plaintiff yang khawatir terhadap keselamatan dirinya disebabkan oleh sikap panas baran defendant melakukan tuntutan fasakh. Sikap defendant yang buruk dan sering mementingkan diri sendiri menyebabkan plaintiff berasa bawaan suaminya gagal menjadi pelindung yang baik buat dirinya. Sikap atau akhlak buruk defendant juga diperihalkan oleh plaintiff sebagai seorang yang suka mengeluarkan kata berbaur penghinaan dan makian bagi melepaskan kemarahannya. Kesannya, plaintiff dan defendant tidak tinggal sebumbung sejak tahun 2015.

Dalam kes ini, defendant bersetuju untuk melepaskan isterinya melalui lafaz cerai dan menyebabkan kes dipindahkan daripada Seksyen 52 kepada Seksyen 47 AUKI WP 1984. Hakim mahkamah memutuskan bahawa gugur talak satu terhadap pasangan ini dan berdasarkan persetujuan pihak-pihak, isteri tidak akan menuntut apa-apa selepas perceraian.

Kes yang ditonjolkan ini bertentangan dengan kehendak setiap pasangan suami isteri yang pastinya menginginkan sakinah, mawaddah dan rahmah dalam perkahwinan kerana ketiga-tiga konsep ini berkait rapat dengan keamanan dan kedamaian rumah tangga (Nur Faezah Musthapar et al., 2020). Oleh itu, sikap atau akhlak yang tidak baik ini perlu diperbaik bagi mengekalkan kerukunan perkahwinan.

### ***Tidak Bertanggungjawab terhadap Nafkah***

Tanggungjawab nafkah yang diabaikan turut menjadi sebab permohonan perceraian di MSWP KL. Dalam persediaan sebelum berkahwin, sepatutnya bakal suami dan bakal isteri perlu mempersiapkan diri dengan ilmu ke arah tanggungjawab berumah tangga. Islam mensyariatkan tanggung jawab ini kepada tiga hak, iaitu hak terhadap suami, hak terhadap isteri dan hak bersama antara kedua-duanya (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1989). Hidup berumah tangga bukan isu tanggungjawab lelaki semata-mata walaupun diakui bahawa tanggungjawab suami itu besar namun penunaian kewajipan isteri terhadap suaminya juga penting, misalnya mentaati perintah suami, membantu suami menjaga rumah tangga dan meminta izin suami dalam perkara tertentu.

Antara hak suami terhadap isterinya termasuklah menafkahi isteri dalam bentuk zahir dan batin. Pemberian nafkah zahir oleh suami dilakukan berdasarkan kemampuannya sebagaimana yang dinyatakan dalam *Al-Qur'anul kareem dan terjemahannya Rasm Uthmani* (2012:37), iaitu “Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang baik ...”

Tuntutan penyediaan nafkah merupakan tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh suami setelah berumah tangga. Namun begitu, kewajipan ini sering diabaikan berdasarkan contoh kes yang akan dinyatakan. Sememangnya, terdapat pengecualian pemberian nafkah kepada isteri yang nusyuz, namun perkara tersebut perlu dibuktikan di mahkamah (Mohd. Hazwan Ismail, 2023). Tanggungjawab yang tidak dilaksanakan oleh suami ini, sama ada nafkah zahir atau batin, sememangnya mengakibatkan pelbagai kesan buruk terhadap institusi kekeluargaan.

Dengan berdasarkan temu bual dengan Informan III, kebanyakan pengabaian tanggungjawab nafkah zahir berlaku pada suami yang mempunyai masalah kewangan dan suami yang isterinya berkerjaya. Hakikatnya, nafkah merupakan hak isteri yang wajib ditunaikan oleh suami walaupun isteri bekerja, dan sering menjadi punca pemfailan perceraian oleh isteri yang sudah tidak tahan apabila diabaikannya nafkahnya (Tuan Rosdi Hanapi, 2023).

Menurut Informan I pula, punca pengabaian nafkah zahir ini berlaku dalam kalangan pasangan yang hanya isteri bekerja, manakala suami tidak menjana sebarang pendapatan untuk keluarga dan yang lebih malang adalah apabila suami hanya ‘goyang kaki’ di rumah (YA Tuan Azzeman Omar, 2023). Kajian turut membuktikan bahawa masalah

ekonomi keluarga sering menyebabkan konflik rumah tangga. Pasangan suami isteri yang menghadapi masalah kewangan selalunya berada dalam belenggu tekanan, lebih-lebih lagi dalam situasi suami yang tidak bekerja, seterusnya dapat menyebabkan pertengkaran yang berterusan dan kekurangan komunikasi sehingga berlakunya perceraian (Eyo, 2018).

Contoh kes bagi faktor ini yang berlaku di MSWP KL ialah *EBS lwn SBP* (2211-L0814-162-0123). Kes ini merupakan tuntutan fasakh yang dibuat oleh plaintif selaku isteri. Plaintiff dan defendant berusia 54 tahun. Plaintiff dan defendant berkahwin pada tahun 2004 dan dikurniakan seorang cahaya mata berusia 16 tahun. Plaintiff menyatakan bahawa defendant meninggalkan rumah sejak tahun 2018 dan tidak mengetahui keberadaannya. Defendant gagal menyediakan nafkah kepada plaintiff selama lebih tiga bulan sejak tahun 2018 serta tiada peruntukan nafkah zahir oleh pihak defendant atau wakilnya diberikan kepada plaintiff. Plaintiff menegaskan bahawa segala perbelanjaan diri plaintiff ditanggung sepenuhnya oleh plaintiff dan dibantu oleh anak lelaknya. Plaintiff tidak lagi berhasrat meneruskan perkahwinan ini kerana sikap tidak bertanggungjawab defendant yang menyebabkan plaintiff mengalami tekanan emosi. Oleh itu, mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan Seksyen 52 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, iaitu seperti yang berikut:

- (1) Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut, iaitu:
  - (a) bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
  - (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;

Dengan berdasarkan kes ini, dapat dilihat realiti yang menyebabkan perceraian dalam perkahwinan akibat pengabaian nafkah. Seharusnya, peranan tersebut tidak diambil enteng demi keberkatan dan kebahagiaan rumah tangga.

### ***Campur Tangan Pihak Ketiga***

Pihak ketiga mencakupi sesiapa sahaja, sama ada wanita atau lelaki yang cuba mengganggu gugat kesejahteraan rumah tangga seseorang. Mantan ketua hakim syarie' Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Tan

Sri Dr. Ibrahim Lembut menyokong penafsiran orang ketiga yang bukan sahaja terdiri daripada orang luar atau kekasih, tetapi juga ahli keluarga, saudara mara dan rakan. Tambahnya, peratusan tertinggi perceraian disebabkan oleh orang ketiga ini berlaku kerana campur tangan keluarga tentang urusan pasangan, disusuli oleh pasangan yang curang dan campur tangan daripada saudara mara.

Perbuatan orang ketiga yang memporak-perandakan institusi rumah tangga sebenarnya diberikan perlindungan menerusi laluan undang-undang. Seksyen 36, Seksyen 37 dan Seksyen 38 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, masing-masing memperuntukkan kesalahan berkenaan memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan bernikah daripada hidup sebagai suami isteri dan menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan yang dapat dikaitkan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pihak ketiga dalam aspek meruntuhkan rumah tangga seseorang. Orang ketiga ini boleh didakwa di mahkamah atas kesalahannya, namun perlu mengemukakan bukti yang mencukupi bagi tujuan pendakwaan agar kes ini dapat diberikan keadilan yang sewajarnya.

Peruntukan ini sememangnya menggambarkan hakikat yang berlaku dalam masyarakat bagi mengatasi isu kewujudan orang ketiga. Orang ketiga sering hadir dalam perkahwinan apabila kekasih memberikan pujiyan untuk menceraikan isteri atau meninggalkan suami, dan tidak ketinggalan juga isu yang keluarga sendiri atau keluarga mentua yang mencampuri urusan rumah tangga sehingga mengakibatkan pasangan sering bertikam lidah, seterusnya menjelaskan kebahagiaan berumah tangga. Menerusi temu bual dengan Informan I, hal ini berlaku lebih-lebih lagi apabila perkahwinan yang dibina tidak mendapat restu daripada ibu bapa dan keluarga. Bermula daripada tentangan tersebut, pelbagai permasalahan selepas perkahwinan mungkin berlaku termasuklah gangguan daripada ahli keluarga (YA Tuan Azzeman Omar, 2023).

Tambahan lagi, seiring dengan kemajuan teknologi maklumat, masalah suami isteri akibat orang ketiga ini turut disebabkan oleh pertemuan menerusi aplikasi atas talian (Solihah Mansor, 2023), misalnya Facebook, Instagram dan Tik Tok. Aplikasi sebegini menjadi wadah yang menyebabkan kecurangan dalam rumah tangga.

Kes yang berlaku di MSWPKL berkenaan isu orang ketiga ini ialah *MNBA lwn DNBAM* (14001-054-0343-2021). Plaintiff, iaitu suami yang berusia 43 tahun, manakala isteri selaku defendant berusia 40 tahun yang masing-masing bekerja sebagai jurutera dan bekerja sendiri. Kes ini

merupakan permohonan pengesahan lafaz cerai. Pasangan ini berkahwin pada 4 Oktober 2002. Plaintiff melafazkan cerai secara takliq kepada defendant, iaitu “Kalau kau jumpa budak tu lagi, jatuh talak”. Namun kemudiannya, plaintiff melafazkan lafaz rujuk kepada defendant. Mahkamah mensabitkan bahawa plaintiff dan defendant sah rujuk kembali sebagai suami isteri. Hasil penelitian yang dibuat oleh mahkamah berdasarkan lafaz cerai yang dilakukan oleh plaintiff ialah plaintiff memaksudkan bahawa jika defendant keluar dari rumah untuk berjumpa dengan lelaki lain atas niat curang, defendant akan diceraikan. Dengan berdasarkan kes ini, perceraian dapat tercetus dengan kehadiran pihak ketiga. Tidak dinafikan bahawa tidak adil untuk menyalahkan sebelah pihak atas faktor kecurangan, namun kehadiran pihak ketiga ini sedikit sebanyak mengganggu keharmonian rumah tangga.

Tambahan lagi, menurut Informan I, berdasarkan pengalamannya ketika mengendalikan kes di MSWPKL, orang ketiga boleh hadir disebabkan oleh perjumpaan semula rakan. Angkara perjumpaan semula ini, setiap orang seakan-akan melupakan status masing-masing, sama ada isteri atau suami orang (YA Tuan Azzeman Omar, 2023).

### *Agama*

Punca perceraian ini dikenal pasti melalui temu bual dengan Informan I, Informan II dan Informan III. Agama merupakan asas yang perlu diteliti dan diambil cakna oleh setiap individu Muslim. Kegoyahan pegangan agama menyebabkan pasangan suami isteri lemah apabila mendepani cabaran dan rintangan dalam kehidupan berumah tangga. Tuntutan agama Islam, misalnya bersolat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, berzakat dan meninggalkan larangan Allah, seperti perbuatan buruk, ialah tapak amalan yang wajib dipraktikkan. Tambahan lagi, jika kesabaran, toleransi, kerjasama, tolong-menolong dan sikap mahmudah lain yang dianjurkan dalam Islam tidak diaplikasikan dalam kehidupan, rumah tangga akan penuh dengan emosi dan pasangan tersebut tidak mencapai kebahagiaan sebenar yang diinginkan. Oleh itu, penghayatan yang kurang terhadap ilmu agama menjadikan pasangan sukar untuk mengendalikan ujian ketika perkahwinan. Jika berlaku sesuatu masalah, suami mudah melafazkan lafaz talak, manakala isteri kerap memohon cerai berbanding dengan duduk berbincang secara tenang dari hati ke hati. Pasangan ini mudah berputus asa dalam perkahwinan akibat ilmu agama yang kurang (Tuan Rosdi Hanapi et al., 2023).

Semua informan turut bersetuju berdasarkan pengalaman masing-masing di mahkamah bahawa sekalipun masalah berlaku terhadap pasangan yang telah berusia atau telah menjalani tempoh perkahwinan yang lama, jika penghayatan ilmu agama tidak diutamakan, perceraian tetap dapat berlaku. Informan I menyatakan bahawa sememangnya wujud pasangan yang telah berusia antara 70–80 tahun yang memohon perceraian. Hal ini membuktikan bahawa realiti perceraian yang berlaku pada hari ini amat membimbangkan (YA Tuan Azzeman Omar, 2023).

### **Pertambahan Usia**

Akhir sekali, dapatan hasil temu bual terhadap Informan III menjelaskan bahawa faktor pertambahan usia juga antara sebab yang kerap yang menyebabkan perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan. Menurut informan berkenaan, umur 40 tahun dan ke atas ialah tempoh dewasa bagi suami atau isteri (Tuan Rosdi Hanapi, 2023). Menurut *Al-Qur'anul kareem dan terjemahannya Rasm Uthmani* (2012:504), usia 40 tahun ini yang merupakan tempoh kemuncak kesempurnaan fizikal dan mental seseorang itu dapat dilihat dalam terjemahan surah al-Ahqaf (46:15) seperti yang berikut:

Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: “Wahai Tuhan, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).

Informan III menjelaskan lagi bahawa ketika berumur 40 tahun dan ke atas, seseorang itu berada dalam kedudukan yang lebih kukuh atau dikenali sebagai “*established phase*” yang menepati frasa popular, iaitu “*life begins at forty*” yang juga dikenali sebagai fasa kemuncak kehidupan. Kedudukan yang kukuh ini bermaksud mempunyai kewangan yang lebih stabil, misalnya dapat menaik taraf kehidupan dengan cara membeli kereta yang lebih berjenama, membeli rumah yang lebih selesa dan dapat membeli pelbagai kehendak diri demi keselesaan yang lebih baik.

Jika dibandingkan dengan usia sebelum 40-an seseorang itu mungkin masih bergelut dalam kehidupan awal berkeluarga. Dapat difahami bahawa

ketika tempoh awal berkeluarga, seseorang itu masih cuba menyesuaikan diri dengan segala perubahan diri, daripada status bujang kepada status suami atau isteri orang. Selain itu, adakalanya, perbelanjaan ekonomi bulanan perlu dicatut mengikut keperluan keluarga, selain pada awal usia perkahwinan ini, pasangan suami isteri masih sibuk mengadaptasikan diri sebagai ibu dan bapa bagi anak.

Oleh hal yang demikian, faktor pertambahan usia pada fasa dewasa pertengahan ini diungkapkan oleh responden sebagai fasa yang genting dan perceraian kerap berlaku kerana kedudukan suami dan isteri yang lebih stabil. Faktor ini menyebabkan sesetengah kelompok suami atau isteri ini menginginkan evolusi perubahan dalam diri masing-masing. Kewangan yang makin stabil seiring dengan pertambahan usia ini mengakibatkan sesetengah pasangan berasa bosan dengan kehidupan yang lama, termasuklah terhadap pasangan sedia ada sehingga mencuba nasib untuk mencari cinta baharu. Pengkaji yang mengkaji corak tingkah laku orang dan masalah sosial turut memperakui bahawa perubahan status ini sebagai satu daripada punca perceraian. Menurut Roy (2006), sesetengah kes pasangan yang gagal memenuhi standard baharu kehidupan mungkin bercerai untuk membolehkan orang itu berkahwin dengan pasangan baharu sesuai dengan status baharunya.

Tambah Informan III lagi, berdasarkan pengalaman beliau yang turut berpeluang untuk menjawat jawatan hakim sebelum ini, peringkat umur seterusnya, iaitu usia 50 tahun dan ke atas juga ialah peringkat yang banyak berlakunya perceraian (Tuan Rosdi Hanapi, 2023). Pada tempoh ini, kebanyakannya isteri telah menopaus atau putus haid, seterusnya menyebabkan berlakunya perubahan hormon dalam dirinya yang menyebabkan emosinya tidak stabil, seperti mudah marah, merajuk dan berasa diri tidak disayangi (Siti Zarina Sahib, 2019). Tambah beliau lagi, isteri yang memasuki fasa menopaus makin hilang keinginan untuk bersama kerana kebanyakannya lebih ingin menyibukkan diri dengan urusan ukhrawi. Atas sebab ini, salah faham dan pergaduhan yang tidak dapat dikawal sering berlaku sehingga mencetuskan perceraian.

Hal ini sebagaimana kes yang dapat dikaitkan di MSWPKL, iaitu *WBMS Iwn MBM* (14009-054-0325-2021). Pasangan ini bernikah pada 22 Februari 1993 dan mempunyai lima orang cahaya mata yang berumur 28 tahun, 26 tahun, 24 tahun, 21 tahun dan 16 tahun. Plaintiff, iaitu suami, berusia 55 tahun dan bekerja sebagai pemandu, manakala isteri selaku defendant berusia 52 tahun dan merupakan seorang suri rumah. Fakta

kesnya adalah pada bulan Julai 2021 pukul 12.30 malam, plaintiff duduk berseorangan di sebuah kedai runcit setelah berselisih faham dengan defendant, iaitu isterinya. Pasangan itu juga tinggal secara berasingan, iaitu defendant tinggal di Klang, Selangor manakala plaintiff tinggal di Kuala Lumpur kerana merajuk antara satu dengan lain. Ketika duduk berseorangan itu, defendant melafazkan cerai terhadap plaintiff secara dalam hati dalam keadaan marah tanpa didengari oleh sesiapa. Walau bagaimanapun, hakim memutuskan bahawa lafaz perceraian tersebut tidak sah kerana defendant hanya berimajinasi.

Namun begitu, menerusi kes ini, dapat dilihat bahawa perselisihan faham dapat menyebabkan perceraian meskipun usia perkahwinan mencapai 28 tahun, iaitu kira-kira lebih dua dekad, ditambah pula apabila kedua-dua pasangan telah berusia dan mempunyai anak yang dewasa. Situasi keadaan pasangan ini yang bahkan tidak tinggal sebumbung dan merajuk sebenarnya dapat dikaitkan dengan keadaan emosi pada usia 50-an yang dapat meretakkan rumah tangga. Bagi mengulas perkara ini, Informan II menyatakan bahawa ada pasangan mungkin telah melalui tempoh ketidakserasan dalam perhubungan dalam tempoh yang lama, namun hanya bertahan demi membesar anak secara bersama-sama dan akhirnya memutuskan untuk bercerai setelah anak menginjak usia dewasa (Tuan Akmalludin Ilyas, 2023).

### **Saranan dan Cadangan**

Bahagian ini mengemukakan saranan dan cadangan berdasarkan hasil dapatan dan perbincangan kajian yang telah dilakukan. Tujuan utama bahagian ini adalah untuk menyediakan panduan dan langkah penyelesaian yang praktikal dalam menangani isu yang dikenal pasti, khususnya berkaitan faktor perceraian di MSWPKL. Saranan yang diberikan bertujuan untuk membantu pihak berkuasa agama, pasangan suami isteri, serta masyarakat secara keseluruhannya dalam mewujudkan hubungan rumah tangga yang lebih harmoni dan stabil. Selain itu, cadangan ini juga bertujuan untuk memperkuat sistem sokongan dan meningkatkan keberkesanannya dalam menangani isu perceraian, sejajar dengan nilai Islam dan prinsip kehidupan berkeluarga yang sihat.

### ***Pemerkasaan Sesi Kaunseling Krisis Rumah Tangga dan Kekeluargaan***

Pada masa ini, terdapat khidmat nasihat dan runding cara kekeluargaan yang disediakan oleh pejabat agama Islam di daerah di setiap negeri.

Fungsi unit sedia ada ini adalah untuk melaksanakan khidmat kaunseling terhadap pasangan suami isteri yang berhadapan dengan konflik rumah tangga. Namun begitu, pada masa ini, khidmat ini tidak diwajibkan untuk diambil kerana bersifat sukarela dan pasangan yang terlibat hanya diberi saranan atau galakan oleh pihak berkuasa agama.

Oleh itu, penulis mencadangkan nafas baharu dalam perkhidmatan runding cara ini dengan memasukkan elemen yang dapat memberikan keberkesanan dalam sesi kauseling yang dijalani oleh pasangan suami isteri yang memerlukannya, selain menetapkan suatu perintah khas agar pasangan yang ingin bercerai diwajibkan untuk melalui sesi ini terlebih dahulu. Sesi kaunseling ini juga dapat dijenamakan sebagai pusat sokongan keluarga yang bertujuan bukan sahaja untuk memberikan kaunseling, namun sokongan dan panduan terbaik dalam penyelesaian konflik perkahwinan. Ahli teori perceraian barat juga mempercayai bahawa sesi kaunseling dapat membantu pasangan membuat keputusan dengan lebih baik. Hal ini sememangnya penting bagi mengelakkan setiap keputusan, lebih-lebih lagi yang melibatkan perceraian, diputuskan secara membuta tuli (Zareei et al., 2018).

### ***Semakan Semula Modul Pengajaran Kursus Praperkahwinan***

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kuala Lumpur, khususnya hendaklah melakukan semakan semula terhadap modul pengajaran kursus praperkahwinan sedia ada dari masa ke masa. Kursus yang menjadi prasyarat perkahwinan ini inisiatif yang sangat baik untuk memberikan pendedahan kepada pasangan Muslim yang ingin berumah tangga. Walau bagaimanapun, dengan isu perceraian semasa yang pelbagai, dalam modul ini elemen penekanan terhadap penyelesaian isu tersebut perlu diterapkan supaya bakal suami dan isteri ini tidak mengulangi kesalahan sama dalam perkahwinan. Kadar perceraian yang meningkat turut menunjukkan bahawa kursus ini tidak memberikan keberkesanan yang optimum kepada peserta.

Oleh sebab isu perceraian turut berlaku pada golongan dewasa pertengahan, penulis mencadangkan agar modul ini diwajibkan sekali lagi kepada pasangan yang berusia 40 tahun ke atas yang telah menjalani tempoh perkahwinan melebihi 15 tahun sebagai kursus pascaperkahwinan. Kursus pascaperkahwinan ini dapat menjadi kaedah yang baik bagi memperbaharu pengetahuan yang diperoleh ketika kursus praperkahwinan yang telah dijalani sebelumnya. Penerapan ilmu baharu untuk menghadapi konflik perkahwinan golongan dewasa pertengahan juga amat diperlukan bagi

menyesuaikan pasangan tersebut dengan fasa ini, misalnya ilmu mengenai psikologi golongan ini pada usia berkenaan dari sudut perubahan emosi dan kesan isteri yang hampir menopaus. Hal ini penting bagi menjadikan pasangan lebih cakna dan bersedia terhadap situasi yang mungkin berlaku pada masa hadapan bagi mengelakkan konflik rumah tangga.

### ***Pasangan Perlu Sama-sama Menyemarakkan Semula Kasih Sayang***

Seiring dengan usia yang mencapai umur 40-an, pasangan suami isteri perlu mengambil peranan masing-masing, bukan sahaja tertumpu pada sebelah pihak, tetapi sama-sama menyemarakkan atau menggilap semula kasih sayang dalam rumah tangga. Cinta yang dahulunya utuh pada awal perkahwinan mungkin makin pudar pada pertengahan usia. Oleh itu, suami dan isteri seharusnya mengambil apa-apa langkah yang dapat menyemarakkan semula kebahagiaan rumah tangga, bak kata pepatah “jauh bau bunga dekat bau tahi”. Pepatah yang menggambarkan keadaan seseorang yang berkasih-kasihan jika berjauhan, tetapi saling berbantahan jika berdekatan ini menunjukkan bahawa isu ini berlaku pada sesiapa sahaja dan sering terjadi. Dalam hal ini, apabila pasangan itu asyik berdekatan dalam tempoh yang lama, wujud rasa bosan dan perselisihan faham. Pepatah ini juga bermaksud bahawa rasa sayang dan rindu mula kuat apabila berada berjauhan. Pasangan suami isteri perlu menyedari bahawa kehidupan berumah tangga bukanlah untuk tempoh sehari, tetapi sehingga akhir hayat. Oleh itu, kefahaman antara satu dengan lain amat diperlukan, apatah lagi ketika masing-masing menginjak usia dewasa pertengahan yang menyebabkan berlaku perubahan dalam diri. Misalnya, apabila isteri menopaus, suami perlu memahami keadaan tersebut dan isteri pula bertanggungjawab dan kreatif untuk terus membahagiakan rumah tangganya dengan pelbagai cara.

### **KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, pengkaji berpandangan bahawa faktor pertambahan usia merupakan faktor utama yang khusus bagi golongan dewasa pertengahan, manakala faktor atau punca lain merupakan faktor biasa yang sering menjadi sebab perceraian tanpa mengambil kira usia. Oleh itu, diharapkan agar penemuan kajian ini dapat mencetuskan lebih banyak kajian yang memberikan penyelesaian terbaik bagi masalah ini dan memberikan kesedaran kepada pasangan yang bakal melangsungkan perkahwinan untuk mengelakkan perceraian.

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk menyelesaikan penulisan makalah ini.

## **SUMBANGAN PENGARANG**

Nur Syazwani Sallehuddin: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah dan penyediaan makalah akhir; Mohd Norhusairi Mat Hussin: Semakan, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

## RUJUKAN

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, [Akta 559], Seksyen 36. (2020).
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, [Akta 559], Seksyen 37. (2020).
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, [Akta 559], Seksyen 38. (2020). Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, [Akta 303] 1984, Seksyen 47.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, [Akta 303] 1984, Seksyen 2.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, [Akta 303] 1984, Seksyen 52.
- Al-Qur'anul kareem dan terjemahannya Rasm Uthmani.* (2012). Pustaka Darul Iman.
- Daud Mohd Salleh. (1996). Cerai, rujuk dan iddah. Penerbitan Al-Mashur.
- Eyo, U. E. (2018). Divorce: Causes and effects on children. *Asian Journal of Humanities and Social Studies*, 6(5), 172–177.
- Hassan Salleh. (1989). *Asas kekeluargaan Islam bahasan empat mazhab: Syafi'I, Hanafi, Maliki dan Hambali* (143). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023, Julai). *Warga emas*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUJV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09#:~:text=Definisi%20Warga%20Emas,On%20Ageing%201982%22%20di%20Vienna>.
- Jacques, E. (1965). Death and mid-life crisis. *International Journal of Psychoanalysis*, 46, 502–514.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid & Raihanah Azhari. (1989). *Undang-undang keluarga Islam konsep dan perlaksanaannya di Malaysia*. Karya Abazie.
- Mohd. Hazwan Ismail. (2023). Pindaan peruntukan seksyen mengenai nafkah daripada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 kepada Akta 303. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 309–332. doi:10.37052/kanun.35(2) no6
- Noor Syaibah Shahabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah & Syazwana Aziz. (2016). Perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi faktor. *Malaysian Journal of Social Science*, 1, 36–52.
- Nur Awatif Mohd Khair. (2018). Pengurusan isu perceraian oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, 1974–1990. [Kertas Projek Jabatan Sejarah]. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azahari & Bahiyah Ahmad. (2020). Sakīnah, mawaddah dan rāḥmah dalam perhubungan suami isteri: Analisis literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad hukum siri ke-620: Hukum nafkah zahir dan batin termasuk keperluan emosi dan kesihatan mental bagi isteri (2023, 25 Mei) <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4991-irsyad-al-fatwa-siri-ke-620-hukum-nafkah-zahir-dan-batin-termasuk-keperluan-emosi-dan-kesihatan-mental-bagi-isteri>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2023, 23 Mei). Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Rohaniza Idris, Haryani Ngah & Hazwan Faisal Mohamad. (2016, 14 November). 171,252 pasangan Islam bercerai dari 2014 hingga 10 Julai lalu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/11/212681/171252-pasangan-islam-bercerai-dari-2014-hingga-10-julai-lalu>.
- Roy, R. E. (2006). *Behavioural pattern and social problems* (214). Reformed and Presbyterian Publishing.
- Savage, M. (2020, 7 Disember). Why the pandemic is causing spikes in break-ups and divorces. *BBC*. <https://www.bbc.com/worklife/article/20201203-why-the-pandemic-is-causing-spikes-in-break-ups-and-divorces>.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (1992). Perceraian di kawasan tengah daerah Besut, Terengganu dari tahun 1983 hingga 1987 [Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Sastera]. Universiti Malaya.
- Siti Rohaya Shafie. (2001). Perceraian di usia emas: Satu tinjauan kes di Alor Setar, Kedah. [Kertas Projek Program Pengajian Islam]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (8).
- Siti Zarinah Sahib. (2019, 1 April). Raikan kehadiran fasa menopaus. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/04/439595/raikan-kehadiran-fasa-menopaus>
- Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Shariah and Law Research*, 8(1), 33–70.
- Suriany Awaludin. (2019, 3 Oktober). Isteri ada hak berpisah. *myMetro*.
- Zareei Mahmoodabadi, H., & Zarei, F. (2018). The Effect of divorce counseling based on Gottman's approach on the self-efficacy in divorce management of couples applying for divorce. *Social Behavior Research & Health*, 2(2), 219–227

## INFORMAN

Informan I: YA Tuan Azzeman Omar (Hakim Dewan 3 Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 31 Mei 2023.

Informan II: Tuan Rosdi Hanapi (Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dalam temu bual dengan penulis, 7 Jun 2023.

Informan III: Tuan Akmalludin Ilyas (Hakim Dewan 8 Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 7 Jun 2023.

**KES**

14008-055-0510-2021

14009-054-0557-2020

14009-055-0038-2021

14001-014-0185-2017

14001-055-0546-2017

14001-054-0343-2021

14009-054-0325-2021